

- (b) Perkara ini masih di dalam siasatan polis. Berdasarkan laporan akhbar pada 5 November 2014, dua guru lelaki telah didakwa di mahkamah atas tuduhan terbabit dalam kes kebocoran kertas UPSR mengikut Seksyen 8 Akta Rahsia Rasmi 1972 yang membawa hukuman penjara minimum setahun dan maksimum tujuh tahun. KPM memandang serius insiden kebocoran soalan peperiksaan awam dan ingin menegaskan bahawa peperiksaan awam dilaksanakan mematuhi SOP pengendalian peperiksaan awam. Namun, walaupun SOP keselamatan pengendalian peperiksaan ditambahkan baik dan diperketatkan, soal kejujuran, amanah dan integriti individu adalah yang akan menentukan perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi.